

DATE: 25/1/2010



## Kunjungan PM ke Chennai buka lembaran baru

### Hubungan dua hala tingkat dagangan, pikat semula sokongan kaum India terhadap kepemimpinan negara

**T**AMIL Nadu dan Chennai masing-masing sinonim sebagai negeri dan kota di India yang amat berkait rapat dengan masyarakat India di Malaysia, terutama berketurunan Tamil yang terkenal dengan kebanggaan mempertahankan warisan budaya dan jati diri mereka. Negeri di selatan India itu menjadi tempat asal usul masyarakat India di Malaysia, ketika masih dikenali sebagai Tanah Melayu lagi. Difahamkan kira-kira 85 peratus rakyat Malaysia keturunan India berasal dari Tamil Nadu.

Lantaran itu, Datuk Seri Najib Razak dilihat mengambil langkah bijak ketika membuat keputusan menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama menjejakkan kaki di bumi itu dalam tempoh 52 tahun. Perdana Menteri yang pada mulanya dijadual melawat India selama lima hari terpaksa memendekkan kunjungan itu untuk pulang ke tanah air berikutan kemangkatan Sultan Johor, Sultan Iskandar Sultan Ismail, Jumaat lalu.

Bagaimanapun, selama di Chennai, Perdana Menteri sempat berjumpa Ketua Menteri Tamil Nadu, Dr KM Karunanidhi serta Timbalan Ketua Menteri, MK Stalin yang juga anaknya. Kedua-dua pemimpin Tamil Nadu itu begitu berpengaruh serta sering diiringi ramai pengikut dan pengawal peribadi.

Pemerhati politik beranggapan, tindakan Najib itu mampu menarik semula sokongan dan perhatian masyarakat India di Malaysia yang sebelum ini diragui selepas menolak kebanyakan tokoh politik keturunan India, termasuk Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pada pilihan raya umum lalu. Lawatan itu juga secara simbolik dan bersejarah dengan mengambil kira keperluan menjaga kebajikan rakyat semua kaum, menerusi konsep 1Malaysia.

Jika pada era Perang Dingin, Al-lahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein, iaitu Perdana Menteri kedua, mengorak sejarah sebagai pemimpin Malaysia pertama melawat China, kini giliran Najib mencatat sejarah itu dengan mengunjungi Tamil Nadu, iaitu kunjungan pertama seorang Perdana Menteri Malaysia ke Tamil Nadu dan Chennai.

Ketua Penerangan Parti Progresif Penduduk (PPP), A Chandrakumanan, yang juga Pengerusi PPP Wilayah Persekutuan ketika ditanya kepentingan faktor Tamil Nadu atau Chennai kepada politik Malaysia, berkata lawatan sulung seorang Perdana Menteri Malaysia ke Tamil Nadu penting dalam politik tanah air jika mengambil kira sokongan rakyat keturunan India.

Beliau berkata, politik Tamil Nadu yang mengambil kira karisma dan ketokohan pemimpin bagaikan dunia perfileman Tamil atau boleh dijadikan sandaran memikat hati rakyat dan pengundi keturunan India yang menjadikan pelakon Tamil sebagai idola. Sebelum Karunanidhi, Ketua Menteri Tamil Nadu adalah pelakon dan pengarah legenda,



NAJIB bersalaman dengan KM Karunanidhi ketika mengadakan pertemuan di Chennai. Turut serta MK Stalin.

Maruthur Gopalan Ramachandran yang lebih dikenali sebagai MGR yang berkhidmat sebagai Ketua Menteri dari 1977 sehingga kematiannya, sedekad kemudian.

Pemerhati politik India Malaysia turut mengaitkan kepentingan politik Tamil Nadu lebih menonjol daripada New Delhi walaupun pada dasarnya kunjungan ke ibu negara India itu yang menjadi sebahagian jadual Najib ke India tetap penting bagi peringkat hubungan dua hala dan dagangan.

Sementara itu, pada sidang media sebelum berlepas pulang ke tanah air, Perdana Menteri berkata, lawatan ke India, terutama Chennai berjaya menepis segala tohmahan kononnya masyarakat keturunan India di Malaysia ditindas atau menjadi rakyat kelas kedua. Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, pemimpin India terutama di Tamil Nadu mengakui Kerajaan Malaysia menjaga kebajikan serta memberi penyelesaian hidup kepada masyarakat India di Malaysia, lebih daripada di India sendiri.

Perdana Menteri turut memberi jaminan kerajaan akan terus membantu masyarakat keturunan India, termasuk peruntukan untuk sekolah Tamil, latihan kemahiran belia dan pengambilan dalam sektor perkhidmatan awam.

Najib juga berkata, dalam pertemuan, Ketua Menteri Tamil Nadu itu mengalu-alukan lawatan itu serta mahu hubungan Malaysia dan Tamil Nadu diperkukuh menerusi beberapa projek pembangunan, termasuk syarikat Malaysia digalakkan membida tender membina lebuh raya dan jalan di negeri itu selain membangunkan tapak pelaburan baru di Tamil Nadu, seperti komponen automotif dan pengangkutan awam.

Secara berseloroh ketika berucap kepada kira-kira 200 rakyat Malaysia di Chennai pada jamuan makan malam sempena lawatannya ke India, Najib berkata, penampalan poster beliau di merata tempat sekitar Sheraton Hotel Park & Towers Hotel, Chennai serta sekitar Pusat Dagangan Chennai seolah-olah poster pilihan raya di sini

Mengenai hasil lawatan ke India, katanya, kemesraan pemimpin New Delhi, terutama Perdana Menteri India, Dr Manmohan Singh membuka lembaran baru untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala demi manfaat dagangan dan pelaburan, termasuk sektor pertumbuhan baru.

Beliau juga berkata, kesanggupan Kerajaan India agar Perjanjian Kerjasama Ekonomi Menyeluruh Malaysia-India (CECA) dimeterai, tahun ini menunjukkan kesungguhan New Delhi meningkatkan hubu-

**“Kemesraan pemimpin New Delhi, terutama Perdana Menteri India, Dr Manmohan Singh membuka lembaran baru untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala demi manfaat dagangan dan pelaburan, termasuk sektor pertumbuhan baru”**

Najib Razak  
Perdana Menteri

Sekuriti dan Lembaga Sekuriti dan Tukaran Asing India.

Kenyataan itu juga menggariskan 12 kerjasama dan rundingan bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala Kuala Lumpur-New Delhi, termasuk bekerjasama dan sepakat mengenai isu global seperti perubahan cuaca, bekalan makanan, sumber tenaga dan penyakit berjangkit.

Kedua-dua negara sedia mengemukakan kerjasama erat dan rundingan dalam kerangka kerja Hubungan Dialog Asean-India, Forum Serantau Asean (ARF), Sidang Asia Timur (EAS), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Kerjasama Ekonomi Serantau Lautan Hindi dan Mesyuarat Asia Eropah (Asem).

Kuala Lumpur dan New Delhi turut sepakat meneruskan kerjasama atas pentas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pertubuhan antarabangsa lain, termasuk menyokong desakan merombak struktur kerusi tetap Majlis Keselamatan PBB untuk menggambarkan keadaan semasa hubungan antarabangsa.

Kenyataan itu berkata, Dr Manmohan turut menerima pelawaan Najib untuk melawat Malaysia pada tarikh sesuai yang akan ditetapkan kemudian. Najib turut menyatakan penghargaan ke atas layanan baik kerajaan dan rakyat India selama delegasi Malaysia berada di negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau cukup tersentuh dan berasakan penghargaan dalam diplomatik pada pagi penuh dingin hari pertama lawatan ke New Delhi apabila Dr Manmohan menyambutnya dengan ungkapan: "Saya amat menantikan kehadiran anda."

Najib berkata: "Kata-kata itu sungguh menyentuh hati saya yang jelas menunjukkan saya boleh berurusan dengan beliau."

Lantaran itu, tidak hairanlah lawatan Najib ke India, terutama Chennai dianggap bersejarah dari segi jalinan politik dua hala serta memberi harapan baru kepada politik masyarakat India, terutama mengukuhkan lagi perpaduan Barisan Nasional (BN) di samping lembaran baru bagi meningkatkan hubungan dua hala dan dagangan.

Ramai melihat keikhlasan beliau ke Tamil Nadu serta ketokohan pemimpin Malaysia itu menerusi legasi Tun Razak, seolah-olah hero baru dalam senario politik tanah air. Kejayaan beliau nanti mengemudi hala tuju negara menerusi konsep 1Malaysia serta melaksanakan Model Ekonomi Baru pasti memenuhi harapan rakyat semua kaum, termasuk keturunan India yang setia dan menerima hakikat Malaysia tanah air mereka selama-lamanya.

Pastinya jika semua kaum bersatu, saling menghormati serta mematuhi ajaran agama masing-masing di samping menerima hakikat, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung, memudahkan kepemimpinan negara mewujudkan Malaysia penuh selesa dan damai untuk didiami bagaikan penamat penuh bahagia sebuah filem kehidupan.

ngan dagangan kedua-dua negara.

Ditanya isu hampir 40,000 rakyat India yang masuk ke negara ini menggunakan visa ketika ketibaan (VOA), Najib berkata, kerajaan menggunakan penguatkuasaan undang-undang bagi menangani keadaan itu.

Selain menandatangani sejumlah memorandum persefahaman (MoA) antara syarikat kedua-dua negara, Malaysia dan India juga setuju tiga bidang menjadi asas kukuh bagi mengeratkan hubungan diplomatik dan kerjasama dagangan kedua-dua negara, iaitu hubungan dua hala, serantau dan global, termasuk kemungkinan penubuhan Forum Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysia-India di samping ketegasan memerangi keganasan.

Dalam kenyataan bersama sempena lawatan itu, kedua-dua pihak setuju hubungan dua hala boleh diperkukuh lagi menerusi tumpuan lebih strategik, terutama kerjasama ekonomi. Kedua-dua negara akan menggunakan segala hubungan sedia ada untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi, termasuk mengkaji kemungkinan forum khusus membabitkan perbincangan dan kepakaran CEO syarikat negara masing-masing.

Dari segi global, kedua-dua negara berusaha mewujudkan rundingan dan kerjasama lebih erat dalam pelbagai bidang, termasuk perubahan iklim, tenaga, keselamatan dan memerangi keganasan.

Pemimpin kedua-dua negara menyambut baik perjanjian dimeterai sempena lawatan itu, termasuk perjanjian ekstradisi. Turut dicapai memorandum persefahaman kerjasama dalam bidang pengajian tinggi dan Perjanjian Kerjasama Pasaran Saham antara Suruhanjaya